



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



## **GAYA KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR DI DAERAH BATU PAHAT**

*BATU PAHAT DISTRICT PRIMARY SCHOOL PRINCIPAL'S INSTRUCTIONAL  
LEADERSHIP STYLE*

Ngo Jie Sheng<sup>1\*</sup>, Badaruddin Ibrahim<sup>2</sup>

<sup>1</sup> SJKC Panchor, Batu Pahat

Email: jieshengngo@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Email: badar@uthm.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 12.06.2023

Revised date: 18.06.2023

Accepted date: 06.07.2023

Published date: 15.09.2023

#### **To cite this document:**

Ngo, J. S., & Ibrahim, B. (2023). Gaya Kepimpinan Instruksional Guru Besar Di Daerah Batu Pahat. *International Journal of Modern Education*, 5 (18), 01-09.

DOI: 10.35631/IJMOE.518001

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Gaya kepimpinan instruksional merujuk kepada amalan seseorang guru besar yang mengambil perhatian tentang pengajaran guru dan pembelajaran murid serta selalu mewujudkan keadaan dan iklim pembelajaran yang kondusif di sekolah untuk meningkatkan pencapaian sekolah. Guru besar yang mengamalkan gaya kepimpinan instruksional akan akan mengutamakan tiga fungsi utama iaitu mentaktif matlamat sekolah, mengurus program instruksional dan mengalakkan iklim sekolah. Pelbagai dasar dan program diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadikan sekolah-sekolah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kecemerlangannya. Gaya kepimpinan instruksional merupakan amalan yang penting dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran yang dapat menyumbang kepada impak yang tinggi terhadap pencapaian sekolah. Namun begitu, kekurangan kajian empirikal tentang gaya kepimpinan instruksional sekolah rendah di negeri Johor terutamanya di daerah Batu Pahat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap gaya kepimpinan instruksional guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitaif yang melibatkan 403 orang guru Reka Bentuk dan Teknologi. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap amalan gaya kepimpinan instruksional adalah tinggi ( $M=4.36$ ,  $SP=0.40$ ). Guru besar perlu memiliki kemahiran dan mengamalkan fungsi dalam kepimpinan instruksional dalam mengurus sekolah supaya seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan iaitu memastikan guru besar yang berkualiti tinggi diempatkan di semua sekolah (KPM, 2015).

**Kata Kunci:**

Gaya Kepimpinan Instruksional, Guru Besar

**Abstract:**

Instructional leadership style refers to the practice of principal who pays attention to the teacher's teaching and student learning and always creates conditions and a conducive learning climate in the school to improve school achievement. Principal who practices an instructional leadership style will prioritize three main functions, namely activating the school's goals, managing the instructional program, and promoting the school climate. Various policies and programs created by the Ministry Education of Malaysia have made schools take various initiatives to improve their excellence. Instructional leadership style is an important practice in improving the quality of teaching and learning that can contribute to a high impact on school achievement. However, there is a lack of empirical studies on the principal's instructional leadership style of primary schools in the state of Johor, especially in the Batu Pahat district. In relation to that, this study was conducted to see the level of primary school principal's instructional leadership style in Batu Pahat district. This study uses a quantitative approach involving 403 Design and Technology teachers. The results of the study show that the practice level of primary school principal's instructional leadership style is high ( $M=4.36$ ,  $SP=0.40$ ). Principal need to have skills and practice the function of instructional leadership style in managing schools to be in line with the Ministry of Education's desire to ensure that high-quality principal is placed in all schools (KPM, 2015).

**Keywords:**

Instructional Leadership, Principal

## Pengenalan

Guru besar merupakan pemimpin sekolah yang mempunyai prestasi kerja yang tinggi dan komited seharusnya dapat membawa perubahan kepada semua aspek di sekolah, antaranya meningkatkan kompetensi guru, mengekalkan prestasi sekolah serta meningkatkan pencapaian pelajar. Kementerian Pendidikan komited untuk menempatkan guru besar berkualiti tinggi dan sekumpulan pemimpin sekolah untuk memacu kecemerlangan sekolah. Gaya kepimpinan guru besar menjadi faktor penyumbang kepada penentuan sesuatu objektif serta kunci kejayaan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi juga boleh ditentukan oleh gaya kepimpinan seseorang guru besar (Othman, 2016). Gaya kepimpinan merupakan kebolehan seseorang pemimpin untuk mengubah sikap dan tingkah laku, mempengaruhi dan seterusnya memotivasi kakitangan di bawah seliaan untuk mencapai objektif organisasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Guru besar bukan sahaja mampu berkhidmat sebagai ketua pentadbir yang berkesan dan cemerlang, membimbing guru di samping meningkatkan kompetensi guru, tetapi juga sebagai pemimpin sekolah yang mengamalkan gaya kepimpinan instruksional.

Menurut Hallinger (2001), guru besar mengamalkan gaya kepimpinan instruksional akan mengutamakan 3 fungsi iaitu mentaktif matlamat sekolah, mengurus program instruksional dan mengalakkan iklim sekolah. Sufean (2014) menjelaskan kepimpinan instruksional adalah guru

besar menjalankan tanggungjawab memimpin sekolah dengan memfokuskan kepada hal pengurusan akademik, peningkatan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran dan mengekalkan kecemerlangan sekolah. Kepimpinan Instruksional merujuk kepada amalan seseorang guru besar yang mengambil perhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran serta selalu mewujudkan keadaan dan iklim pembelajaran yang kondusif dan positif di sekolah untuk meningkatkan pencapaian sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Guru besar yang mengamalkan gaya kepimpinan instruksional akan memimpin pelaksanaan kurikulum dan mewujudkan suasana pembelajaran. Pendek kata, guru besar yang mengamalkan gaya Kepimpinan Instruksional adalah guru besar yang mementingkan kurikulum atau pelajaran. Menurut Yen & Jerry (2018), Kepimpinan Instruksional bermaksud tindakan untuk menggalakkan pihak berkenaan melibatkan diri dalam aktiviti instruksional bagi mencapai matlamat sekolah.

Pelbagai dasar dan program diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan telah menjadikan sekolah-sekolah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kecemerlangannya. Gaya kepimpinan instruksional penting dalam meningkatkan mutu proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat menyumbang kepada impak yang tinggi terhadap pencapaian sekolah. Guru besar perlu menjalankan penambahbaikan dari aspek pengajaran dan pembelajaran guru untuk mengenal pasti objektif sekolah yang ditetapkan dapat dicapai.

Namun, kajian empirikal tentang gaya kepimpinan instruksional di Malaysia dijalankan di beberapa jenis sekolah seperti sekolah vernakular oleh Adams et al., (2018), sekolah kurang murid oleh Othman, (2016), Medina Machmudi Isa et al., (2017) dan Fred & Singh, (2021), sekolah kebangsaan oleh (Ramasamy & Abdul Wahab, 2020) dan sekolah rendah agama bantuan kerajaan oleh (Sinnu, 2019) Selain itu, kebanyakkan kajian empirikal tentang gaya kepimpinan instruksional di Malaysia dijalankan di beberapa negeri seperti Sarawak oleh Pei Chyi & Mansor, (2017) dan C. Othman & Busari, (2021), bahagian utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak) oleh (Siew Hui, 2020), Negeri Sembilan oleh Abdullah et al., (2018) dan Kuala Lumpur oleh Mannan (2017). Hasil dapatan kajian-kajian lepas didapati mempunyai perbezaan dari segi bilangan responden dan metodologi yang digunakan. Kekurangan kajian empirikal tentang gaya kepimpinan instruksional sekolah rendah di negeri Johor terutamanya di daerah Batu Pahat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap amalan gaya kepimpinan instruksional guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat.

## Kajian Literatur

Pemimpin sekolah yang mengamalkan gaya kepimpinan instruksional akan mengutamakan tiga fungsi utama iaitu fungsi mentaktif matlamat sekolah, fungsi mengurus program instruksional dan fungsi mengalakkan iklim sekolah (Hallinger, 2011). Daripada 3 fungsi utama itu telah dibahagi kepada 10 sub fungsi yang boleh diamalkan oleh seseorang guru besar.

**Jadual 1: Model Kepimpinan Instruksional Hallinger (2011)**

Mentakrif matlamat sekolah	Mengurus program instruksional	Menggalakkan iklim sekolah
1. Merangka matlamat sekolah 2. Menjelaskan matlamat sekolah	1. Menyelia dan membuat penilaian instruksional 2. Menyelaras kurikulum 3. Memantau perkembangan murid	1. Menjaga masa pengajaran 2. Mengalakkkan perkembangan profesional 3. Mengelakkan sokongan pembelajaran 4. Menyediakan insentif untuk guru 5. Menyediakan insentif untuk murid

Kajian yang dijalankan oleh Adams et al., (2018) telah menemu buah separa berstruktur dengan melibat belas orang guru besar di sekolah vernakular yang kawasan bandar dan pinggir bandar di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Guru besar akan menetapkan matlamat sekolah mereka berdasarkan penetapan Kementerian Pendidikan dan Pejabat Pendidikan Daerah. Selain itu, guru besar akan berkongsi matlamat sekolah dengan guru-guru yang baru melapor diri dan mengadakan pertemuan bersama ibu bapa untuk menyebar luas matlamat sekolah. Kajian juga mendapati guru besar menjalankan fungsi menyelia kurikulum dan memantau prestasi murid secara aktif di sekolah. Selain itu, guru besar menyediakan insentif kepada barisan guru seperti merayakan setiap hari jadi guru, mengadakan majlis makan malam di restoran, mengadakan lawatan belajar dengan tajaan daripada Lembaga Pengelola Sekolah. Program pembangunan profesional penting untuk meningkatkan kompetensi para guru di sekolah. Sehubung dengan itu, para guru besar telah mengadakan *Professional Learning Community* (PLC) untuk para guru belajar bersama-sama untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran mereka.

Tahap amalan gaya kepimpinan instruksional guru besar di sekolah kebangsaan daerah Kuala Langat adalah pada tahap tinggi. Menurut Ramasamy & Abdul Wahab (2020) para guru besar menekankan matlamat sekolah dan menyebar luas kepada semua warga sekolah kerana ia merupakan halatuju sekolah bersama. Dapatkan kajian daripada Sinnu (2019) mendapati amalan gaya kepimpinan instruksional guru besar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Melaka juga berada pada tahap yang tinggi. Para guru berpendapat guru besar di sekolah mereka kerap mengamalkan kepimpinan instruksional di sekolah. Di daerah Sri Aman, tahap amalan gaya kepimpinan instruksional sekolah kebangsaan adalah tinggi. Menurut C. Othman dan Busari (2021), guru besar di sekolah kebangsaan Sri Aman memberi penekanan terhadap fungsi mendefinisi misi sekolah.

Kepimpinan instruksional guru besar memberi kesan kepada pelbagai elemen di sekolah. Dapatkan kajian Sinnu (2019) menunjukkan hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar komitmen kerja guru. Kepimpinan instruksional guru besar juga mempunyai hubungan dengan pembangunan organisasi pembelajaran dimana ia memudahkan proses menjadi sebuah sekolah yang cemerlang. Amalan komuniti pembelajaran profesional di sekolah juga mempunyai hubungan dengan gaya kepimpinan instruksional guru besar. Tujuan mengadakan

komuniti pembelajaran profesional adalah untuk meningkatkan kompetensi guru untuk mencapai matlamat sekolah. Salah satu fungsi guru besar dalam gaya kepimpinan instruksional adalah mengalakkan perkembangan profesional. Menurut Mat Yasim et al. (2019), guru besar yang menjalankan fungsi kepimpinan instruksional merupakan tunggal utama dalam pembentukan budaya komuniti pembelajaran profesional.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan soal selidik untuk melihat tahap gaya kepimpinan guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat. Menurut Chua (2012), kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik agak popular dalam kajian pendidikan (McMillan, 2012). Selain itu, kajian tinjauan dapat membuat penilaian atas persepsi, amalan, sikap serta minat bagi sekumpulan responden (Gay et al., 2012). Kajian ini telah dijalankan di 145 buah sekolah rendah daerah Batu Pahat. Lokasi kajian ini dipilih kerana daerah Batu Pahat mempunyai bilangan sekolah rendah yang terbanyak di dalam negeri Johor. Populasi kajian ini terdiri daripada 403 orang guru sekolah rendah yang mengajar mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi di daerah Batu Pahat.

Kajian ini mengadaptasi instrumen *Principle Instructional Management Rating Scale (PIMRS)* telah dibina oleh Hallinger (2000, 2011). Instrumen versi bahasa Melayu yang dibangunkan oleh Thien (2020) telah diguna pakai dalam kajian ini. Instrumen ini dipilih kerana ia banyak diguna pakai oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat tentang pola amalan kepimpinan instruksional di sekolah (Yen & Jerry, 2018). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Thien (2020) dilaporkan kebolehpercayaan instrumen dengan nilai alpha 0.842 hingga 0.981. Terdapat 50 item dalam instrumen kajian ini.

Untuk melihat tahap kepimpinan instruksional guru besar, kaedah 5 Skala Likert ini digunakan untuk mengumpulkan maklumat mengenai kekerapan responden terhadap item yang dirasakan sesuai. Bagi interpretasi dapatan kajian, pengelasan nilai skor min yang digunakan (Pallant, 2006). Nilai skor min dikelaskan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

### Dapatan dan Perbincangan

Untuk menguji tahap gaya kepimpinan instruksional guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat maka ujian statistik deskriptif telah dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis data-data.

Jadual 2 menunjukkan maklumat demografi guru Reka Bentuk dan Teknologi sekolah rendah di daerah Batu Pahat. Seramai 403 orang guru Reka Bentuk dan Teknologi sekolah rendah di daerah Batu Pahat terlibat dalam kajian ini. Terdapat 173 orang guru lelaki dan 230 orang guru perempuan terlibat dalam kajian ini. Bagi kelulusan akademik, seramai 5 orang guru (1.2%) memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, 33 orang guru (8.2%) memiliki diploma, 323 orang guru (80.1%) memiliki sarjana muda dan 42 orang guru (10.4%) memiliki sarjana. Seterusnya, seramai 243 orang guru (60.3%) berkhidmat di Sekolah Kebangsaan, 149 orang guru (37%) berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, 6 orang guru (1.5%) berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan 5 orang guru (1.2%) berkhidmat di Sekolah Rendah Agama Bersepadu. Bagi pengalaman mengajar, seramai 28 orang guru berkhidmat 1 hingga 8 tahun, 88 orang guru berkhidmat 9-16 tahun, 132 orang berkhidmat 17-22 tahun, 37 orang guru berkhidmat 23-25 tahun, dan 118 orang guru berkhidmat lebih daripada 25 tahun.

**Jadual 2: Maklumat Demografi Responden**

<b>Demografi</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Jantina	• Lelaki	173	42.9
	• Perempuan	230	57.1
Kelulusan akademik tertinggi	• STPM	5	1.2
	• Diploma	33	8.2
Jenis sekolah	• Sarjana muda	323	80.1
	• Sarjana	42	10.4
Pengalaman sebagai guru	• SK	243	60.3
	• SJKC	149	37.0
	• SJKT	6	1.5
	• SRAB	5	1.2
	• 1-8 tahun	28	6.9
	• 9-16 tahun	88	21.8
	• 17-22 tahun	132	32.8
	• 23-25 tahun	37	9.2
	• >25 tahun	118	29.3

Jadual 3 menunjukkan tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat.. Secara keseluruhannya, tahap amalan gaya kepimpinan instruksional guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat adalah tinggi. Ia bermaksud guru besar selalu mengamal gaya kepimpinan instruksional di sekolah dari persektif guru.

**Jadual 3: Tahap Amalan Gaya Kepimpinan Instruksional Guru Besar Sekolah Rendah di Daerah Batu Pahat**

<b>Dimensi</b>	<b>Min (M)</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap Amalan</b>
Mentaksir Matlamat Sekolah	4.34	0.48	Tinggi
Mengurus Program Pengajaran	4.37	0.50	Tinggi
Mengalakkan Iklim Sekolah	4.36	0.44	Tinggi
Jumlah	4.36	0.44	Tinggi

Guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat selalu menjalankan fungsi mentaksir matlamat sekolah ( $M=4.34$ ,  $SP=0.48$ ), di mana sub fungsi membina matlamat sekolah ( $M=3.95$ ,  $SP=0.72$ ) dan menyebar matlamat sekolah ( $M=3.92$ ,  $SP=0.70$ ). Seterusnya, guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat juga selalu mengurus program pengajaran di sekolah masing-masing ( $M=4.37$ ,  $SP=0.50$ ) di mana sub dimensi menyelia dan menilai pengajaran ( $M=4.07$ ,  $SP=0.62$ ), menyelaras kurikulum ( $M=4.09$ ,  $SP=0.76$ ) dan memantau perkembangan murid ( $M=3.93$ ,  $M=0.70$ ). Akhir sekali, para guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat selalu mengalakkan iklim sekolah yang tertumpu kepada pembelajaran ( $M=4.36$ ,  $SP=0.44$ ), di mana melindungi masa pengajaran ( $M=3.94$ ,  $SP=0.73$ ), mengalakkan perkembangan profesional ( $M=3.81$ ,  $SP=0.71$ ), mengekalkan keberadaan ( $M=4.03$ ,  $SP=0.71$ ), menyediakan insentif kepada guru ( $M=4.15$ ,  $SP=0.60$ ) dan menyediakan insentif kepada murid ( $M=3.73$ ,  $SP=0.74$ ).

Kesimpulannya, guru besar sekolah rendah di daerah Batu Pahat selalu mengamalkan fungsi utama kepimpinan instruksional iaitu mentaksir matlamat sekolah, mengurus program

pengajaran dan mengalakkan iklim sekolah. Dapatkan kajian selari dengan kajian-kajian lepas oleh Ramasamy & Jamalul Lail (2020), Vadiappan et.al., (2021), Dayangku Rodzianah & Mohd Izham (2021). Bagi fungsi mentaksir matlamat sekolah, guru besar di daerah Batu Pahat sangat menekankan elemen membina matlamat sekolah dan menyebarkan matlamat sekolah. Tujuan guru besar menetapkan dan menyebarkan matlamat sekolah kepada semua warga sekolah bertujuan untuk mempengaruhi guru-guru dan murid-murid dalam usaha menambah baik perkara-perkara mengenai proses pengajaran seterusnya berganding bahu mencapai matlamat sekolah yang ditentukan (Siew Hui, 2020). Hasil kajian ini selari dengan daptan kajian daripada C. Othman & Busari, (2021) dan Sidi Ahmad & Abdul Wahab, (2021).

Dari fungsi mengurus program pengajaran, para guru besar mementingkan elemen menyelaras kurikulum. Hasil kajian ini sama dengan daptan kajian (A. Maulod Shafinaz, 2017), di mana guru besar menjalankan fungsi menyelaras kurikulum seajar dengan matlamat yang telah ditetapkan oleh pelbagai pihak berkepentinga. Selain itu, guru besar juga menyelaras kurikulum seiring dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Seterusnya, guru besar harus memperbanyakkan menjalankan fungsi memantau perkembangan murid di mana mereka boleh berbincang pencapaian murid dan kelemahan murid lalu merancang aktiviti untuk meningkatkan pencapaian murid (Harris et al., 2019).

Seterusnya, dapatkan kajian juga mendapati para guru besar memberi tumpuan kepada elemen menyediakan insentif kepada guru dan mengekalkan keberadaan mereka di sekolah bagi fungsi mengalakkan iklim sekolah. Menurut (Mannan, 2017), guru besar akan mengambil masa untuk berbincang bersama guru secara tidak formal semasa waktu rehat atau terus memberi arahan semasa mereka berada dalam kelas. Seterusnya, daptan menunjukkan guru besar memberi pengiktirafan kepada pencapaian guru semasa mesyuarat pengurusan sekolah. Guru besar juga menyediakan ganjaran kepada guru-guru yang telah menyertai program-program peningkatan profesionalisme lalu menyumbang bakti kepada sekolah. (Sultan et al., 2022).

## Kesimpulan

Kepimpinan instruksional seseroang guru besar penting untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh pelbagai pihak. Pelbagai usaha harus diteruskan oleh para guru besar agar terus mengekalkan kecemerlangan. Hasil kajian ini diharapkan menjadi rujukan kepada guru-guru besar di mana gaya kepimpinan instruksional mereka akan mempengaruhi guru-guru di bawah mereka. Kepimpinan instruksional merupakan kepimpinan yang dapat membolehkan guru-guru ke arah menerima dan melakukan perubahan. Tugas guru besar akan menjadi lebih kompleks akibat dunia pendidikan yang kian berkembang pesat dan sentiasa berubah. Guru besar perlu memiliki kemahiran dan mengamalkan fungsi dalam kepimpinan instruksional dalam mengurus sekolah supaya seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan iaitu memastikan guru besar yang berkualiti tinggi diempatkan di semua sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013)

## Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan TIER1 Vot Q174. Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam menjayakan kajian ini

**Rujukan**

- A. Maulod Shafinaz. (2017). Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Kepimpinan Instruksional Pengetua dengan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Sembilan.
- Abdullah, R., Mohd Nor, M. Y., & Mansor, A. N. (2018). Gaya Kepimpinan Guru Besar dan Efikasi Guru di Sekolah Kebangsaan Taman Semarak, Nilai, Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1–11.
- Adams, D., Periasamu, R., Devadason, E., & Awang, S. (2018). Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar di Sekolah Vernakular Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. *Manu*, 23, 109–132.
- Fred, A., & Singh, G. S. B. (2021). Instructional Leadership Practices in Under-Enrolled Rural Schools in Miri, Sarawak. *Asian Journal of University Education*, 17(1), 165–176. <https://doi.org/10.24191/ajue.v17i1.12694>
- Hallinger, P. (2011). A Review of Three Decades of Doctoral Studies Using The Principal Instructional Management Rating Ccale: A Lens on Methodological Progress in Educational Leadership. In *Educational Administration Quarterly* (Vol. 47, Issue 2, pp. 271–306). <https://doi.org/10.1177/0013161X10383412>
- Harris, A., Jones, M., Adams, D., & Cheah, K. (2019). Instructional Leadership in Malaysia: A Review of The Contemporary Literature. *School Leadership and Management*, 39(1), 76–95. <https://doi.org/10.1080/13632434.2018.1453794>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan malaysia 2013–2025. [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Mannan, F. (2017). The Relationship Between Women Principal Instructional Leadership Practices, Teacher Organizational Commitment and Teacher Professional Community Practice in Secondary Schools In Kuala Lumpur.
- Mat Yasim, J., Mansor, A. N., & Ab Hamid, A. H. (2019). Kepimpinan Instruksional Abad Ke-21 Dan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Guru Besar Di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 3(2), 21–37.
- Medina Machmudi Isa, N. I., Mansor, A. N., & Abdul Wahab, J. L. (2017). Cabaran Kepimpinan Instruksional Guru Besar Di Sekolah Kurang Murid. *Prosiding Seminar Serantau*, 426–433.
- Othman, C., & Busari, A. H. (2021). Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar di Sekolah Rendah Daerah Sri Aman, Sarawak. *Kolokium Pendidikan Peringkat Kebangsaan*, 38–46.
- Othman, Z. (2016). Kepimpinan Instruksional Guru Besar Di Sekolah Kurang Murid.
- Pei Chyi, Y., & Mansor, A. N. (2017). Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Prestasi Sekolah di Zon Baram Hilir, Sarawak. *Prosiding Simposium Psikologi Dan Kesihatan Sosial-I 2017*, 439–447.
- Ramasamy, M., & Abdul Wahab, J. (2020). Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kuala Langat. *Jurnal Dalam Pendidikan*, 2(2), 1–8. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd>
- Sidi Ahmad, N. D. B., & Abdul Wahab, J. L. Bin. (2021). Hubungan Antara Kepimpinan Instruksional Pengetua dengan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Guru di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSSH)*, 6(2), 152–166. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.658>

- Siew Hui, L. (2020). Pengaruh Kepimpinan Instruksional Terhadap Organisasi Pembelajaran di Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi Malaysia. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan*, 33(1), 34–42.
- Sinnu, C. (2019). Hubungan Kepimpinan Instruksional Guru Besar dengan Komitmen Kerja Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Sekolah Rendah di Negeri Melaka. *Jurnal Ilmi Journal of Ilmi Jilid*, 9, 1–14.
- Sultan, F. M. M., Karuppannan, G., & Rumpod, J. (2022). Instructional Leadership Practices Among Headmasters and The Correlation with Primary Schools' Achievement in Sabah, Malaysia. *English Language Teaching*, 15(2), 50. <https://doi.org/10.5539/elt.v15n2p50>
- Thien, L. M. (2020). Psychometric Analysis of a Malay Language Version of the Principal Instructional Management Rating Scale. *Educational Management Administration and Leadership*, 50(4), 711–733. <https://doi.org/10.1177/1741143220942514>